




جبايز عالم سكيتر نكري فولو فينغ

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI PULAU PINANG
ARAS BAWAH - ZON B
WISMA PERSEKUTUAN
SEBERANG PERAI UTARA
13200 KEPALA BATAS
PULAU PINANG

Telefon : 04-575 1911
Telefax : 04-575 1455

Ruj. Tuan: AS(B)BL38/329/000/013
Ruj. Kami: SK:KB(/e)
Tarikh:  Jun 2012
Bersamaan

Pengarah Urusan
NI Malaysia Sdn Bhd.
1-7-02, SUNTECH@Penang Cybercity,
Lintang Mayang Pasir 3,
11950 Bayan Baru,
Penang

Tuan,

Kelulusan Bertulis Di Bawah Peraturan 38, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978, Bagi Cadangan Memasang 2 Unit Cerobong Untuk National Instrument Malaysia Sdn Bhd., Lot 451,1568,1571, Dan Sebahagian Lot 440,449,450,453,455,1562,1564,1565,1566,1570, 1572,1573 Dan 1576, Lebuh Batu Maung 1, Mukim 12, Bayan Lepas, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang.

Saya dengan hormatnya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan ini tiada apa-apa halangan terhadap cadangan pemasangan cerobong nombor 1 dan 2 tertakluk kepada syarat-syarat yang tercatat dalam Sijil Kelulusan AK(CR57/2012) dan AK(CR58/2012). Sijil-sijil kelulusan ini hendaklah dipamerkan dalam Pejabat Pentadbiran premis tuan.

3. Sila ambil perhatian bahawa syarat-syarat ini hendaklah sentiasa dipatuhi dan kegagalan pihak tuan untuk berbuat demikian akan mendedahkan pihak tuan kepada tindakan undang-undang.

Sekian.

"SATU MALAYSIA, RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"INTEGRITI TERAS KUALITI"

Saya yang menurut perintah,


(DATO HASSAN BIN MAT)

Pengarah Alam Sekitar Pulau Pinang
b.p. Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling Malaysia

s.k. Pengurus
HPM Consultant,
1565 1 st Flr, Jalan Nangka, Taman Jambu Mawar,
14000 Bukit Mertajam,
Pulau Pinang.

AS(B)BL38/329/000/013

LAMPIRAN A

NATIONAL INSTRUMENT MALAYSIA SDN BHD

Bil	Nombor Daftar	Pelan Lokasi dan Tapak	Pelan Susunatur Sistem Pengudaraan	Pelan Keratan	Pelan Terperinci Cerobong	No. *Cr	Tinggi Cerobong (meter)	Halaju pelepasan (meter/ saat)	Had Pelepasan	Jenis kipas	Tenaga Motor (HP atau KW)
1	AK(CR57/2012)	HPM/81103/NI/DOE-01	HPM/81103/NI/DOE-03	HPM/81103/NI/DOE-05	HPM/81103/NI/DOE-05	1	9.70	10.68	Kurmin Pepejal : 400 mg/Nm ³	Centrifugal fan	3kW
2	AK(CR58/2012)	HPM/81103/NI/DOE-01	HPM/81103/NI/DOE-03	HPM/81103/NI/DOE-05	HPM/81103/NI/DOE-05	2	9.70	12.99	Kurmin Pepejal : 400 mg/Nm ³	Centrifugal fan	4kW



**JABATAN ALAM SEKITAR
PULAU PINANG**

**SIJIL KELULUSAN
ALAT KAWALAN PENCEMARAN UDARA DI BAWAH
PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING
(UDARA BERSIH) 1978, P.U.(A) 280**

NAMA PREMIS : NATIONAL INSTRUMENT MALAYSIA SDN BHD.


ALAMAT PEMASANGAN : LOT 451,1568,1571, DAN SEBAHAGIAN LOT 440,449,450,453,455,1562,1564,1565,1566,1570,1572,1573 DAN 1576, LEBUH BATU MAUNG 1, MUKIM 12, BAYAN LEPAS, DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG

NOMBOR DAFTAR : SEPERTI DI LAMPIRAN A

Sebagaimana yang dikehendaki oleh Peraturan 38, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978 dan tertakluk kepada mana-mana peraturan, undang-undang dan perakuan yang bertulis, Jabatan ini memperakukan kelulusan bagi membina, memasang, menempatkan semula atau mengubah cerobong mengikut syarat-syarat berikut:

- (i) Pemasangan cerobong hendaklah mengikut nombor pelan dan spesifikasi yang diperakukan seperti dalam **LAMPIRAN A**.
- (ii) Ukuran cerobong dan butir-butir lain adalah seperti dalam **LAMPIRAN A**.
- (iii) Cerobong hendaklah dilengkapi dengan kemudahan untuk menjalankan percontohan cerobong dan ditandakan dengan angka seperti dalam **LAMPIRAN A** dan angka tersebut hendaklah dibuat daripada logam berukuran sebesar garis pusat cerobong berkenaan dan terletak sekurang-kurangnya 1 meter dari bahagian atas cerobong.
- (iv) Pelepasan dari cerobong hendaklah mematuhi had-had pelepasan yang ditetapkan di **LAMPIRAN A**.
- (v) Alat kawalan pencemaran udara hendaklah dipasang jika diperlukan atau diarah oleh pihak Jabatan.

- (vi) Syarat-syarat yang terkandung dalam surat ini ialah arahan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling di bawah Seksyen 31, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 bagi mencegah dan mengawal punca-puncunya yang ada potensi memberi pencemaran alam sekitar.
- (vii) Kemudahan-kemudahan yang didirikan hendaklah mengikut lukisan/pelan yang telah diluluskan. Kelulusan ini diberi dengan syarat ianya boleh ditarik balik atau dibatalkan jikalau didapati kerja yang dijalankan tidak mematuhi kepada lukisan/pelan-pelan yang telah diluluskan.
- (viii) Percontohan cerobong hendaklah dijalankan sekurang-kurangnya 3 kali setahun (setiap 4 bulan sekali) dan laporan dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang. Laporan pertama hendaklah dikemukakan dalam tempoh 1 bulan selepas kilang mula beroperasi.


(DATO' HASSAN BIN MAT)
Pengarah Alam Sekitar Pulau Pinang
b.p. Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling Malaysia

Tarikh  Jun 2012